

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	19 June 2015

Inflasi akibat dasar Dr Mahathir: Chegubard

Petaling Jaya: Kadar inflasi termasuk kenaikan tol dan tarif elektrik sejak lima tahun lalu berpunca daripada perjanjian yang ditandatangani pada zaman Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Pengasas Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shahrin, berkata rak-

yat tidak wajar menyalahkan Datuk Seri Najib Razak sahaja tanpa menilai peranan Dr Mahathir yang membentuk landscape ekonomi sekarang.

"Rakyat kena tahu bahawa harga barang, perkhidmatan termasuk tol dan tarif elektrik naik saban tahun-adalah disebabkan perjanjian yang dibuat ketika Dr Mahathir jadi

Perdana Menteri," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Badrul Hisham atau lebih dikenali sebagai Chegubard berkata, isu harga kereta mahal yang sering diperkajatkan adalah berpunca daripada dasar Dr Mahathir mahu melindungi PROTON.

Katanya, keengganan Perda-

na Menteri untuk melayan tuntutan Dr Mahathir menyebabkan berlakunya perbalahan antara dua pihak sehingga meresahkan banyak pihak.

"Dr Mahathir harus sedar bahawa tugas Perdana Menteri adalah melayan tuntutan rakyat dan membangunkan negara, bukannya kehendak beliau seorang sahaja," katanya.